



Universiti Teknologi MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA

PUAN FATIMAH ABU BAKAR,

PELAKON, WARTAWAN DAN JURULATIH LAKONAN

MENGENAI PENGALAMAN BELIAU DALAM INDUSTRI SENI

SULIKA LAMBAN CHRISTOPHER LEECHEN

(2020987645)

PUTERI IZZATY BINTI ZOLKEPELI

(2020978463)

FITRI BALQIS AKMA BINTI MOHD ASRI

(2020950799)

SEMESTER MAC 2022 - OKTOBER 2022

Universiti Teknologi MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA

PUAN FATIMAH ABU BAKAR,

PELAKON, WARTAWAN DAN JURULATIH LAKONAN

MENGENAI PENGALAMAN BELIAU DALAM INDUSTRI SENI

SULIKA LAMBAN CHRISTOPHER LEECHEN

(2020987645)

PUTERI IZZATY BINTI ZOLKEPELI

(2020978463)

FITRI BALQIS AKMA BINTI MOHD ASRI

(2020950799)

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER MAC 2022 - OKTOBER 2022

ISI KANDUNGAN

| BUTIRAN | MUKA SURAT |
|---|-----------------------|
| ABSTRAK | 4 |
| PENGHARGAAN | 6 |
| SENARAI SINGKATAN DAN ABBREVIASI | 8 |
| RUJUKAN KATA | 9 |
| 1.0 BIODATA PENEMUBUAL | |
| 1.1 Biodata Penemubual Pertama | 12 |
| 1.2 Biodata Penemubual Kedua | 13 |
| 1.3 Biodata Penemubual Ketiga | 14 |
| 2.0 BIODATA TOKOH | 16 |
| 3.0 PENGENALAN | 17 |
| 4.0 KAJIAN LITERATUR | 18 |
| 5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH | |
| 5.1 Transkrip Temubual Bahagian 1 | 21 |
| 5.2 Transkrip Temubual Bahagian 2 | 70 |
| 6.0 RALAT | 88 |
| 7.0 RINGKASAN TEMUBUAL TOKOH | 89 |
| 8.0 LOG TEMUBUAL | 90 |
| 9.0 KESIMPULAN | 92 |
| 10.0 GLOSARI | 93 |
| 11.0 INDEKS | 95 |

| | |
|--------------------------------|------------|
| 12.0 RUJUKAN | 99 |
| 13.0 LAMPIRAN | |
| 13.1 Biografi Tokoh | 100 |
| 13.2 Surat Perjanjian | 101 |
| 13.3 Gambar | 102 |
| 13.4 Proposal | 106 |
| 14.0 SENARAI SOALAN | 117 |
| 15.0 DIARI PENYELIDIKAN | 125 |

ABSTRAK

Sejarah lisan merupakan pengumpulan dan kajian maklumat sejarah tentang individu, keluarga, peristiwa penting, atau kehidupan sehari-hari menggunakan pita audio, pita video, atau transkripsi temubual yang dirancang. Manakala transkripsi ialah proses selepas sejarah lisan berlaku. Tujuan transkripsi adalah mendokumenkan semula segala hujah-hujah yang telah disampaikan oleh tokoh semasa sesi temubual. Dalam transkripsi ini, kami telah menggunakan verbatim transkripsi iaitu merujuk kepada pengeluaran semula perkataan demi perkataan data lisan, di mana perkataan bertulis adalah replikasi tepat perkataan yang dirakam audio(Poland, 1995). Sejarah lisan ini mempunyai beberapa objektif iaitu mengenalpasti maklumat asli dan sahih yang diperoleh daripada tokoh pilihan melalui temu bual yang akan dijalankan. Objektif yang kedua adalah mendokumenkan sejarah secara lisan dan mengarkibkan maklumat mengenai pengalaman, biografi serta maklumat tambahan tentang tokoh sepanjang berkecimpung dalam industri seni. Kaedah temubual telah digunakan dalam sejarah lisan ini dan telah dijalankan pada 24 Jun 2022 bertempat di Petaling Jaya, Selangor, Malaysia. Kajian ini juga menceritakan latar belakang serta pengalaman beliau ketika di awal karier lakonan beliau. Kajian ini juga merungkai pendapat tokoh, Fatimah Abu Bakar, tentang isu-isu wanita terutamanya dalam industri lakonan.

Kata Kunci : Fatimah Abu Bakar, industri seni, sejarah lisan.

ABSTRACT

Oral history is the collection and study of historical information about individuals, families, important events, or daily life using audio tapes, video tapes, or transcriptions of interviews. Transcription is the process after the oral history. The purpose of transcription is to re-document all the arguments that have been presented by interviewee during the interview session. In this transcription, we have used verbatim transcription, which refers to the word-for-word reproduction of oral data, where the written word is an exact replication of the audio-recorded words (Poland, 1995). This oral history has several objectives, namely identifying the original and authentic information obtained from selected interviewee through interviews that will be conducted. The second objective is to document oral history and archive information

about experiences, biographies and additional information about the interviewee throughout their involvement in the art industry. The interview method was used in this oral history and was conducted on 24 June 2022 in Petaling Jaya, Selangor, Malaysia. This study also tells about the interviewee background and experiences at the beginning of her acting career. This study also dissects the opinion of the figure, Fatimah Abu Bakar, about women's issues, especially in the acting industry.

Keywords: **Fatimah Abu Bakar, art industry, oral history.**

PENGHARGAAN

Titipan penghargaan terhadap Allah SWT, Tuhan sekalian alam atas segala nikmat dan rahmat yang dicurahkan kepada hambaNya. Kami berserah kepadanya atas segala takdir mengikut kehendakNya kepada isi alam serta keseluruhannya.

Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada tokoh kami iaitu Puan Fatimah Abu Bakar atas kerjasama yang telah diberikan beliau sepanjang kami menyempurnakan tugas ini. Puan Fatimah Abu Bakar merupakan seorang pelakon, wartawan dan juga jurulatih pelakon yang terkemuka di Malaysia yang amat dikagumi oleh barisan-barisan pelakon serta masyarakat di atas kebolehan beliau. Filem pertama beliau dikenali sebagai Maria yang diarahkan oleh Shuhaimi Baba. Selain itu, beliau telah membintangi beberapa filem dan drama televisyen serta telah menjadi tenaga pengajar di Akademi Fantasia 2015. Semoga perjalanan beliau dalam industri seni semakin maju dan dimurahkan rezeki.

Seterusnya, kami ingin menyampaikan kesyukuran dan terima kasih kepada pensyarah kami, Encik Jafalizan Bin Md. Jali atas kesabaran beliau membimbing kami dalam menyiapkan tugas ini. Beliau juga sering mengingatkan kami ketika kami alpa dan menegur kesilapan kami dengan berhemah. Kami berdoa semoga jasa baiknya diganjari dan dikurniakan oleh Allah SAW dengan rezeki yang melimpah-ruah.

Di samping itu, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada ibu bapa kami yang tidak pernah berhenti mendoakan kejayaan kami sepanjang pengajian kami di Universiti Teknologi MARA. Sokongan mereka dari segi kewangan dan mental telah membantu kami untuk tabah dalam menyelesaikan tugas kami dengan sempurna. Berkat doa dan restu mereka, kukuhnya kami berdiri di sini untuk menimba ilmu demi bekalan masa hadapan.

Tidak dilupakan pula terima kasih kepada rakan seperjuangan kami di Universiti Teknologi MARA. Sokongan dan bantuan rakan-rakan telah membantu kami lebih memahami tugas dan menyiapkannya dengan teliti. Segala kata semangat yang telah diberikan amat kami hargai.

Akhir sekali, terima kasih kepada pihak yang telah membantu kami dalam tugas ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Bantuan dan sokongan anda semua amat kami hargai.

SENARAI SINGKATAN DAN ABBREVIASI

| SINGKATAN KATA | MAKSUD |
|-----------------------|---|
| SLC | Sulika Lamban Christopher |
| FAB | Fitri Akma Balqis |
| PIZ | Puteri Izzaty Zolkepeli |
| FBA | Fatimah Abu Bakar |
| UiTM | Universiti Teknologi Mara |
| MAS | Malaysia Airlines |
| RTM | Radio Televisyen Malaysia |
| TVC | Television Commercial |
| ASWARA | Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan |
| Diorang | mereka |
| Tak | tidak |
| Je | sahaja |
| Nak | hendak |
| Ni | ini |
| Dah | sudah |
| Bila | apabila |
| Tu | itu |
| Tapi | tetapi |

| | |
|--------------|---------|
| Dulu | dahulu |
| Kecik | kecil |
| Bila | apabila |
| Buat | membuat |

RUJUKAN KATA

| PERKATAAN | MAKSUD |
|------------------|--|
| Action | Sebagai isyarat untuk memulakan sesuatu adegan lakonan |
| Character | Watak |
| Chemistry | Memiliki hubungan yang baik atau rapat dengan seseorang individu |
| Director | Pengarah |
| Feminism | Menjaga hak wanita |
| Film | Filem |
| Filming | Penggambaran |
| Flashback | Mengimbau kembali |
| On set | Di tempat penggambaran |
| Producer | Penerbit |
| Rehearsal | Latihan lakonan |
| Shooting | Merakam filem atau drama |
| Station | Stesen televisyen atau stesen penyiaran |

| | |
|-------------------|--|
| Scene | Adegan dalam filem atau drama |
| Series | Koleksi filem |
| Women empowerment | Sebuah prinsip tentang pemerikasaan wanita |

1.0 BIODATA PENEMU BUAL

1.1 BIODATA PENEMUBUAL PERTAMA



| | |
|----------------|--|
| Nama | SULIKA LAMBAN CHRISTOPHER LEECHEN |
| Alamat | Kapit, Sarawak. |
| Emel | annsue37@gmail.com |
| Program | Bachelor of Information Science (Hons) Records Management (IM246) |

1.2 BIODATA PENEMU BUAL KEDUA



| | |
|----------------|--|
| Nama | PUTERI IZZATY BINTI ZOLKEPELI |
| Alamat | Petaling Jaya, Selangor |
| Emel | puterizzaty2@gmail.com |
| Program | Bachelor of Information Science (Hons) Records Management (IM246) |

1.3 BIODATA PENEMU BUAL KETIGA



| | |
|----------------|--|
| Nama | FITRI BALQIS AKMA BINTI MOHD ASRI |
| Alamat | Sungai Buloh, Selangor. |
| Emel | fitribalqisakma@gmail.com |
| Program | Bachelor of Information Science (Hons) Records Management (IM246) |

2.0 BIODATA TOKOH



| | |
|---------------------|--|
| Nama | Fatimah Bee Binti Abdul Bakar |
| Tarikh Lahir | 20 Oktober 1955 |
| Tempat Lahir | Pulau Tikus, Pulau Pinang, Malaysia |
| Alamat | Mutiara Damansara, Petaling Jaya, Selangor. |
| Profesjon | Pelakon, pengarah, mentor |
| Bidang | Perfileman |

3.0 PENGENALAN

Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Ketiga, (1997) seni membawa maksud karya termasuk sajak, lukisan, muzik dan lain-lain yang dicipta dengan bakat atau kecekapan, dan hasil daripada sesuatu ciptaan. Menurut Drs. Sidi Gazalda pula, seni ditafsirkan sebagai penciptaan bentuk-bentuk yang mengandungi nilai-nilai estetika bersepada dengan nilai estetika Islam. Seterusnya, kesenian Islam turut menyatakan seni merupakan suatu unsur keindahan yang mampu menjadikan manusia terpesona apabila melihat ataupun mendengarnya.

Sejarah lisan ialah kaedah menjalankan penyelidikan sejarah melalui temubual yang direkodkan antara penemubual dan tokoh. Temu bual ini akan merekodkan pengalaman peribadi tentang peristiwa penting dari segi sejarah sepanjang profession tokoh yang telah dipilih. Tujuan pendokumentasian lisan ini juga adalah untuk menambah maklumat atau sejarah kepada pengetahuan sedia ada. Pendokumentasi lisan juga merekodkan ulasan peribadi serta mencerminkan pendapat peribadi seseorang tokoh kerana temu bual ini merupakan salah satu sumber utama untuk mendapatkan maklumat dan pandangan seseorang tokoh. Selain itu, pendokumentasian lisan boleh digunakan bersama-sama dengan sumber primer lain serta sumber sekunder untuk mendapatkan pemahaman dan pandangan tentang sejarah (Sejarah Lisan, 2022).

Hasil perolehan daripada temu bual ini boleh digunakan untuk penulisan akademik dan lain-lain. Pendokumentasian lisan ini penting bagi memelihara sejarah sedia ada. Rekod-rekod yang diperolehi ini amatlah penting untuk dipelihara kerana ia akan digunakan oleh generasi akan datang. Donald A. Ritchie pernah menyatakan bahawa ringkasnya, sejarah lisan mengumpul kenangan lisan dan ulasan peribadi tentang kepentingan sejarah melalui temu bual yang dirakam (ETHW, 2022).

4.0 KAJIAN LITERATUR

Persatuan Artis Veteran Malaysia merupakan sebuah persatuan ditubuhkan untuk menjaga kebajikan seniman veteran Malaysia. Persatuan ini terletak di Taman Sri Cheras Jaya, Selangor. Pada beberapa tahun yang lepas, timbul isu-isu mengenai kadar bayaran terhadap seniman veteran terlalu rendah. Oleh hal yang demikian, Persatuan Artis Veteran Malaysia bertindak untuk mewujudkan kadar bayaran standard kepada seniman veteran. Rashid Sibir berkata dalam sebuah laporan BH Online, "pelakon tidak boleh meminta lebih daripada kadar standard yang ditetapkan. Contohnya, untuk telefilem, bagi watak utama kadar yang ditetapkan adalah kira-kira RM10,000." (Serimah Mohd Sallehuddin, 2021). Persatuan ini juga memperjuangkan seniman veteran untuk kembali menjadi teraju utama dalam filem serta drama di Malaysia.

Di samping Persatuan Artis Veteran Malaysia, Persatuan Seniman Malaysia juga menjadi tumpuan dalam menjaga kebajikan seniman di Malaysia terutamanya bagi penggiat seni yang tergolong dalam kategori veteran. Menurut Menteri Penerangan Datuk Seri Abdul Kadir Sheikh Fadzil, "RTM akan memberi keutamaan kepada penyanyi dan pelakon yang menjadi ahli Persatuan Seniman Malaysia untuk penerbitan program-programnya" (Utusan Malaysia, 2005). Keratan akhbar Utusan Malaysia tersebut dapat dilihat bahawa para seniman di Malaysia yang menjadi ahli Persatuan Seniman Malaysia berpeluang untuk menikmati pelbagai kelebihan sama ada kepada penyanyi, pelakon mahupun seniman-seniman yang menceburi pelbagai bidang dalam industri hiburan. Tambah Datuk Seri Abdul Kadir Sheikh Fadzil, Menteri Penerangan beliau menyeru semua golongan seniman untuk menjadi ahli seniman berdasarkan ucapan beliau pada sidang akhbar, beliau menyatakan "saya merayu kepada semua golongan seniman sama ada penyanyi, pelakon, penulis skrip atau sesiapa lagi yang berkaitan dengan industri hiburan agar menjadi ahli seniman kerana saya yakin kebajikan mereka akan terjaga dibawah persatuan itu" (Utusan Malaysia, 2005).

Tokoh yang telah dipersetujui bagi penyelidikan ini ialah Puan Fatimah Abu Bakar yang merupakan seorang seniman veteran Malaysia yang memiliki variasi bakat yang bereputasi cemerlang. Beliau adalah anak jati Pulau Pinang yang merupakan negeri lahirnya seniman-seniman yang termasyhur serta berprestij seperti Tan Sri P. Ramlee,

David Arumugam dan sebagainya. Beliau merupakan alumni Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan memegang Ijazah Sarjana Muda Komunikasi dan Pengajian Media. Selain kerjaya dalam bidang industri seni dan kreatif, beliau juga pernah mencebur i bidang kewartawanan dan penulisan. Beliau mulai aktif dalam industri seni dari tahun 1984 sehingga kini. Di samping itu, beliau mempunyai minat yang mendalam dalam bidang teater dan minat ini telah menjadikan beliau aktif dalam pementasan di Kelab Teater Kuala Lumpur. Disinilah bermulanya perasaan minat untuk mencebur i bidang lakonan terutamanya dengan sokongan yang diberikan oleh “role model” beliau iaitu Datin Paduka Suhaimi dan Allahyarham Mustaffa Noor.

Seterusnya, seperti yang diketahui umum terdapat pelbagai maklumat yang mudah diperoleh di rangkaian internet. Pada masa kini, kebanyakkkan individu mencari maklumat dari sumber internet. Namun, kesahihan maklumat yang diperoleh melalui sumber internet ini tidak dijamin dan tidak dapat dipastikan kesahihan maklumat tersebut. Sebagai pengguna Internet, kita seharusnya bijak menilai kesahihan maklumat yang dicari. Menurut Berita Harian Online, “Masyarakat sebagai sasaran media sosial seharusnya memiliki daya dan kemampuan menganalisis supaya dapat menilai sejauh mana benarnya sesuatu berita atau sejauh mana sahih atau batilnya apa yang disogokkan kepada mereka.” (Shafeza Abdul Wahab, 2017). Hal ini boleh dikaitkan dengan pencarian maklumat tentang seseorang individu seperti mencari maklumat tentang seniman veteran di Malaysia bagi mengetahui latar belakang seniman veteran tersebut. Tidak dapat dinafikan bahawa, berkemungkinan maklumat-maklumat yang terdapat di sumber internet ini tidak beberapa tepat di samping maklumat yang dinyatakan juga mungkin tidak lengkap

5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL TOKOH

5.1 TRANSKRIP TEMUBUAL BAHAGIAN 1

FBA : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera, berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup dalam bidang, industri seni. Bersama-sama kami ialah Puan Fatimah Abu Bakar yang merupakan seorang pelakon dan jurulatih pelakon dalam industri seni di Malaysia. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 24 Jun 2022 bersamaan dengan hari jumaat pada pukul 11 pagi bertempat di Apartment 9 Bukit Utama. Temubual ini dikendalikan oleh Fitri Balqis Akma binti Mohd Asri, Puteri Izzaty binti Zolkepeli dan Sulika Lamban Christopher Leechen. Kita mulakan dengan soalan, sesi soalan.

FAB : Siapa *first*(dahulu) ? (bunyi hon kereta)

SLC : Kita mulakan dengan soalan pertama, boleh jelaskan latar belakang Puan?

FAB : Okay latar belakang saya, saya-- dari Pulau Pinang, belajar, nak [hendak] dari *kindergarten*[sekolah tadika] ke ni? Hahaha(ketawa), *kindergarten* semua kat Pulau Pinang[Malaysia] *and then* sekolah[dan seterusnya sekolah] Tunku Puan Habsah[Pulau Pinang, Malaysia] *and then*[dan seterusnya] St George's Girls School [Pulau Pinang, Malaysia] lepas itu ITM [Institut Teknologi Mara]. Shah Alam [Malaysia]. Saya *major in* Mass Communication[jurusan dalam Komunikasi Massa] *journalism*[kewartawanan]. Tapi masa--, walaupun saya jugak--[juga] berkecimpung dalam bidang seni sebab *lecturer*[pensyarah] saya masa dulu [dahulu] macam-- Maznah Nordin. Diorang[mereka] memang-- minat pada teater ya, dengan lakonan tu semua *and then* kita ada satu *module*[modul] which was *public speaking*[iaitu merupakan pengucapan awam] so dalam *public speaking* kita harus *to take up acting*[belajar lakonan] tu semua lah we were encourage to do that[kami digalakkan untuk melakukan itu] so[jadi] dari situ although[walaupun] saya my-- my degree was in journalism[ijazah saya adalah dalam kewartawanan] tapi because of[disebabkan oleh] saya punya- I was

introduce[saya telah diperkenalkan] *to teater*[kepada teater] tu semua, *through*[melalui] Maznah Nordin saya berkenalan dengan Shuhaimi Baba *so*[jadi] masa tu^[itu] *so that's how I started to be involve*[jadi itulah bagaimana saya bermula untuk terlibat] dalam teater dengan dari situ- *film*[filem] dengan *television*[televisyen]. Itulah latar belakang saya— Sebagai, walaupun saya sebagai— wartawan untuk dua puluh enam[26] tahun dengan *News Straits Times*, *during that time*[pada masa itu] saya- *I was also very active so in dance teater*[saya juga sangat aktif dalam teater tarian], lakonan- *theatre workshops*[bengkel teater]. *So that is*[Jadi itulah]. Sampai sekarang saya masih walaupun dah [sudah] lama *more than*[lebih dari]. *More than twenty years*[Lebih dari dua puluh tahun] ke apa saya dah berhenti sebagai-- wartawan saya *now full time*[sekarang sepenuh masa] sebagai pelakon dengan *acting coach*[jurulatih lakonan].

SLC : Kalau Puan tidak keberatan boleh Puan sebutkan nama penuh puan dan juga kalau ada wujud nama samaran Puan?

FAB : Oh, nama samaran. Hahaha(ketawa). Okay dalam IC [kad pengenalan] saya Fatimah Bee Binti Abdul Bakar tapi *my stage name*[nama] *is* Fatimah Abu Bakar. Senang je *just short and sweet*[singkat dan manis]

PIZ : Macam mana pula dengan latar belakang pendidikan puan tadi dalam sekolah rendah?

FAB : sekolah rendah, ya. Tu [itu] la saya kata dari kecil saya sudah. Macam mana? saya pun tidak tahu *but*[tetapi] *I always been active*[saya sentiasa aktif], dalam macam *school concert*[konsert sekolah]. Mesti ada, walaupun dalam kat[dekat], *kindergarten*[tadika], *kindergarten* pun bila ada macam konsert-konsert saya akan minta untuk *to take part*[mengambil bahagian]. *Okay*[Okey]. *So, even*[Jadi, walaupun] ya dari sekolah pun *all the school concert like*[semua konsert sekolah seperti](batuk). *I don't know there was*

either[Saya tidak tahu sama ada] masa tu *I*[saya] tak-- *not involved in the-- into school drama*[tidak terlibat dalam pementasan drama sekolah]. Takde[tiada], *I think*[saya rasa] masatu [masa itu], takde[tiada] *I'm not sure okay*[saya tidak pasti okey]. *But every year*[tetapi setiap tahun], kalau ada konsert mesti saya akan terlibat.

PIZ : Jadi dari sekolah rendah dah ada minat dalam bidang-- (FAB mencelah)

FAB : dari tadika.

PIZ : Dari tadika?

FAB : Hahaha(ketawa). *Actually*[sebenarnya] sebelum tadika, kat[dekat] rumah pun, *if you talk to my mother she would say that my-- daughter*[kalau awak bertanya kepada ibu saya dia akan mengatakan anak saya] ni[ini] dia ada *how to say* [bagaimana untuk mengatakannya] saya ada banyak sebab *I was--*[saya sebelum ini] okey *my*[saya punya] adik saya anak sulung. *The eldest, after that*[yang paling sulung, selepas itu]. *After*[selepas] dua, dua ke tiga tahun adik lelaki, and *then another*[dan seterusnya seorang lagi] adik lelaki. So[jadi] jarak saya dengan *the second*[yang kedua], *the first brother*[abang yang pertama] okey la tiga tahun, jarak dengan *the younger*[yang lebih muda], *the younger brother*[adik lelaki] tu[itu] jauh, so saya rasa walaupun dalam, when *I was growing up*[semasa saya membesar] masa umur tiga, empat, lima tahun[3, 4, 5 tahun], saya rasa macam sunyi tau, takde[tiada] geng okey. So saya ada geng *imaginary friends*[rakan khayalan], ya! So my mother will always say[Jadi ibu saya akan sentiasa berkata] dari kecil memang dia dah macam dalam dunia khayalan dia, *you know or not*[kamu faham tidak]? So kalau kamu tengok saya masa kecik[kecil] mungkin orang akan kata budak ni tak[tidak] betul kan. Hahaha. You know, actually all of my daughter are all like that[kamu tahu, sebenarnya semua anak perempuan saya begitu] Semua dah[sudah] jadi macam tu[itu], diorang[mereka] ada, diorang[mereka] dah[sudah] ada imaginasi diorang[mereka] ada kawan-kawan lain. So yes[jadi ya], I was already acting even before[saya sudah berlakon sebelum] tadika u know according to my

mother[menurut ibu saya] lah. *U know*[kamu tahu], ya! *So*[jadi], *yela*[semestinya] saya suka, *I don't know why*[saya tidak tahu mengapa], sebab aaa sebab dari kecil.

SLC : Memang puan minat dari kecil la?

FAB : Minat dari kecik[kecil]. *So* bila saya ada macam-- bila saya baca buku-buku *especially*[terutamanya] macam fairytale[kisah dongeng] ke *whatever*[apa-apa sahaja lah], saya dalam *my imagination*[imajinasi saya], sayalah *heroin* dia. Saya. *So* kalau saya baca- cerita *princess princess*[Puteri-puteri] tu, saya lah *princess* tu. Kalau hero tu lelaki, sayalah hero itu, pelik eh? Hahaha(ketawa)

PIZ : Parents [Ibu bapa] Puan dah dapat detect [kesan] puan dapat ada bakat-bakat ni?

FAB : *I don't know whether*[saya tidak tahu sama ada] bakat, *but they already knew that I was*[tetapi mereka sudah tahu saya] pelik. Hahaha (ketawa). Ye[Ya].

PIZ : Jadi mereka sangat sokong lah?

FAB : Ya.

PIZ : Memberi sokongan?

FAB : Diorang[mereka] *play-- go ahead*[teruskan sahaja] lah. Diorang macam layan je[sahaja]. Sama jela[sahaja lah] *when I was raising my children*[semasa saya membesar anak saya]. Diorang-- macam “Mama- mama- mama-” diorang ni[ini] kata- aaa sekian sekian- nak[hendak] masuk rumah boleh tak[tidak]? Siapa nama dia, dia kasilah[beri lah] nama apa, silalah. Begitu. Saya

layan je[sahaja]. Aaa bila saya nak duduk, dia kata “mama tak[tidak] boleh duduk kat[dekat] situ, dia ada *my friends is sitting there*[kawan-kawan saya duduk di situ]”, oh ye ke[yah kah] okey sorry(maaf). *You know or not*[kamu faham tidak]. *So[jadi]* layan. *Because I was feels that because*[kerana saya juga pernah merasakan seperti itu] *my parents*[ibu bapa saya] layan *I* [saya], *and I okay*[dan saya okey]. *So[jadi]* tak[tidak] salah la nak untuk- untuk *encourage your child*[menggalakkan anak kamu] punya *imagination*[imajinasi].

SLC : Kalau puan tidak keberatan, boleh puan bagitahu siapa nama ibu bapa puan ?

FAB : Okey- nama arwah bapa saya- Haji Abu Bakar Mohd Noor, nama mak saya Rohani Tan Mooi Gee Abdullah ataupun Rohani Abdullah Tan Mooi Gee.

SLC : So[Jadi] puan memang *mix blood*[darah campuran] la?

FAB : Yup, ya. Very very[sangat-sangat].

SLC : Chinese and- (cina dan).

FAB : *Chinese*[orang cina], *my father*[ayah saya] *I think*[saya rasa] keturunan dia datang dari-, *wait*[sebentar]. *I'm not sure*(saya tidak pasti) *but*(tetapi) *Bangladesh but from*[dari] India. *Yeah so very mixed*[sangat bercampur].

SLC : So[Jadi] puan dulu dilahirkan di mana ?

FAB : Di Pulau Pinang. Saya dilahirkan di Pulau Pinang, well--[baiklah] dia di-jalan kalau tak salah Jones Road [Pulau Pinang, Malaysia] tapi rumah lama yang saya dilahirkan dah takde[tiada], diorang robohkan sekarang ada sederet rumah teres. Dulu-dulu tu memang- *so* saya ni lahir kat rumah dengan bidan *not in hospital*[bukan di hospital]. Ya- *and* kan dulu-dulu kan- dulu-dulu diorang

macam [berdecit] diorang tak percaya dengan hospital *so* kita kat rumah *better*[lebih baik]. So *yes*. (FAB batuk) walaupun– *my parents*[ibubapa] were both- *my mother was a nurse*[jururawat] but *my father was*[tetapi ayah saya] (berdecit) *medical assistant*[pembantu perubatan]. *Still*[tetap] dia punya *stepmother*[ibu tiri] kata tak boleh, ‘saya tak bagilah kalau boleh lebih elok ni bersalin dekat rumah’. *So my mother-* kat[di] rumah.

PIZ : Jadi kalau untuk pasangan puan? Boleh ceritakan sedikit tentang pasangan puan?

FAB : Tak payah[Tidak perlu] (bergurau) hahaha (ketawa) okey nama dia Syed Zainal Rashid dia-- kejap ya *you can edit this*[boleh sunting ini] okay nama *husband*[suami] saya Syed Zainal Rashid dia *he is a businessman*[dia seorang ahli perniagaan] umm okey *nevermind, again*[tidak mengapa, sekali lagi] ya okey nama suami saya Syed Zainal Rashid *he is a businessman*[dia seorang ahli perniagaan] (bunyi motor) *he's going to be around for quite sometimes*[penunggang motosikal itu akan berada di sekitar ini untuk seketika], okey *nevermind again*[tidak mengapa sekali lagi], *take four*[bahagian empat] (bunyi motor) sama masa drama pun sama elok je[sahaja] *say action*[isyarat untuk memulakan lakonan], bunyi anjing la bunyi aiskrim (sambil membuat bunyi loceng penjual aiskrim) aaaa *dear* (sayang sekali) *aeroplane*[kapal terbang] *suddenly you know--*[kamu tahu tiba-tiba] okey nama suami saya Syed Zainal Rashid dia *he got his own business, he is a businessman*[dia mempunyai perniagaan tersendiri, dia seorang ahli perniagaan] dia punya hobi aaa adalah *watching movies and photographies*[menonton filem dan fotografi], *still photographies*[fotografi pegun]. So itu dah[sudah] sudah ada kita punya *common interest* [minat yang serupa] *yeah so* saya jumpa dia pun *it was*[ia seperti] *i think*[saya berasa] macam mana dengan orang yang *same wavelength*[pemikiran yang sama], kita pergi sama-sama tengok konsert, sama-sama tengok aaa *you know watched movies in-- a group of friends*[menonton filem dengan kawan-kawan dalam kumpulan] *yeah*[ya]. *So*[Jadi], memang itu dah[sudah] jadi minat dia *so*[jadi] senang *you know*[kamu tahu] eh tu *first* (pertama sekali) *we have common interest*[kami mempunyai minat yang sama] kan *so*[jadi] senang *to--*[untuk] (FBA Mencelah)

FBA : blend [bergaul]

FAB : *to bermesra to- like even hobbies*[malah untuk hobi] pon macam senang *so easy*[jadi mudah] *to- - - - what movie going to watch*[filem apa yang ingin ditonton], *and then we will discuss*[dan seterusnya kami akan berbincang] la *and so- movies* dia suka- semua kita- *foreign movies, european movies, movies from India, Indonesia- all the world*[filem luar negara, filem eropah, filem dari India, Indonesia, seluruh dunia), *the Malaysian locals*[rakyat tempatan Malaysia]- semua apa-apa ada kita tengok je la *only lately*[cuma kebelakangan ini] rasa macam *with age and also*[dengan umur dan juga]- macam *I don't know*[saya tidak tahu] la rasa macam *suddenly*[tiba-tiba] macam sibuk pulak *so don't have much time*[jadi tiada banyak masa] *to tengok- to watch movies* tapi kalau boleh itulah- *thank you*[terima kasih] ‘Netflix’ hahaha (ketawa) *and ‘Fmovies’ and ‘Viu’*.

SLC : Puan, sekarang kita menyentuh pasal adik beradik puan, kalau puan tidak keberatan bilangan adik beradik puan ada berapa?

FAB : Okey, macam saya *mention*[menyentuh] tadi saya *the eldest*[paling sulung] *only girl*[seorang perempuan], *I*[saya] ada dua adik lelaki Mohammad Noor Abu Bakar, *so cute*[sangat comel], *my father*[ayah saya] *is* Abu Bakar Mohammad Noor, *my brother is*[abang saya ialah] Mohammad Noor bin Abu Bakar *and then the second brother is*[abang yang kedua pula adalah] Mohammad Noorin Bin Abu Bakar *so my the other*[jadi abang saya yang lain] Mohammad Noor, dia dah retired[bersara], *he was a pilot with MAS*[Malaysia Airlines] *and then AirAsia*[dia dahulu juruterbang MAS dan AirAsia] sekarang dia dah bersara, *my brother Mohammad Noorin also your punya senior in a UiTM*[senior kamu semua di UiTM]. Dia, *he is with Proton*, dia bekerja dengan Proton *in corporate aspect*.[dalam aspek korporat]

SLC : Adik beradik puan ada terlibat juga dalam industri seni?

FAB : Tak. Itu yang peliknya, diorang pemalu walaupun kalau dalam *own our own*[dalam kalangan kami] diorang memang kelakar la. *They are fine*[mereka baik-baik sahaja] *my- especially the second one*[terutama sekali adik yang kedua]. Mohammad Noorin, dia boleh tahan juga, tapi dia- ya *no. He didn't*[dia tidak] macam *get involved in the art*[terlibat dalam industri seni]. Tapi kalau suruh dia menari *whatever* boleh tahan juga dia kelakar. Boleh tahan kelakar juga dia tu. *So, Hahaha!*(ketawa) My father arwah bapa saya dulu masa dia muda masa dia kerja, sama juga macam bila ada function[fungsi] kat hospital itu semua dia akan terlibat. *So, maybe dari situ but apart from that*[selain daripada itu] saya tak tahu mana saya- *because two brothers*[dua orang abang] tak- *even*[walaupun kadang-kadang saya paksa diorang, diorang macam *you know or not*, macam, buat macam ni la, macam ni la(FAB menunjukkan posisi duduk bersama penemubual) *duduk together*[bersama], diorang macam eh(sinis) Hahaha(ketawa), so weird[sangat pelik].

SLC : Kalau untuk keluarga puan pula, puan ada berapa orang anak?

FAB : Saya ada empat anak perempuan, dan lima orang, lima[5] cucu. *So the eldest*[paling sulung] Sharifah Aleya. Dia pun *started on*[baru bermula] berlakon, dia masih ya, berlakon. Dia banyak macam hosting[mengacara]. Dia *very comfortable*[sangat selesa] *hosting*. Dia sekarang bekerja *as cooperate*[koperat], dia dulu kerja *at* radio Hot FM. Sekarang dia bekerja sebagai *as a cooperate-* apa ni- *how to say it-*[macam mana hendak cakap]. Dia kerja dengan Enfiniti. Enfiniti Vision[Malaysia]. *My second daughter also*[anak kedua saya juga] berkecimpung dalam dunia lakonan dan perfilman, Sharifah Amani. Amani berlakon, dia pengarah juga, dia penulis, dan yang ketiga Sharifah Alessya juga pengarah, pelakon, penulis, *producer*[penerbit], dia produce juga dan yang bongsu Sharifah Aryana *also she act*[berlakon] dia belum *try direct*[mencuba mengarah] kalau tak salah tapi dia *produce*[menerbitkan] juga, ya. *And then my five*[5][selepas itu lima orang]

cucu la. *The first tu[yang pertama], kembar, girls[perempuan]. In a few days time they will be thirteen[13], oh my God[dalam beberapa hari mereka akan berumur tiga belas tahun, ya Tuhanku!] I got teenagers![saya ada cucu remaja!] Ya Allah, ya teenagers.* Aza Amina dengan Asya Amina, kembar. (SLC mencelah)

SLC : *In few days [dalam beberapa hari]*

FAB : Ya! *They will be thirteen[13] on the 26th. 2 days more la! [mereka akan berumur tiga belas tahun pada tanggal 26 hari bulan ini, dua hari lagi la!]*

SLC : *Yesterday was my birthday [Semalam adalah hari lahir saya]*

FAB : Oh! *Happy Birthday!*(FAB membuat reaksi terkejut) [selamat hari lahir] Hahaha. Ya *you know, Oh My God! And then I have Ali Abdullah, Aryan Abdullah and then the youngest who will be one in July*, dua belas[12] haribulan Julai, dia akan umur setahun, Adiya Ali ya, so-- (SLC mencelah)

SLC : *Jadi anak-anak puan, puan memang tahu mereka ada bakat daripada kecil untuk jadi pelakon?*

FAB : Okey. Kita tak secara *conscious*[sedar] nampak. *Like I said*[macam saya cakap], *we*[kita] dari kecil macam saya *kita always- we will always be play acting so even when*[kami akan selalu bermain berlakon jadi apabila] diorang kecil saya sebelum tidur, *I will read them story*[saya akan bacakan mereka cerita]. Apa *story story apa- bedtime story*[cerita sebelum tidur] la. Okey, sebelum diorang tidur. Kadang-kadang *I baca and as I baca, it's not just*[bukan sekadar] baca kan, *so it's like--[jadi macam]* Kan! *You know, your mother; drama queen*[ibu kamu, ratu drama], so like berlakon berlakon *or whatever*. So kadang-kadang if takde *storybook*[buku cerita] yang- diorang dah baca beberapa kali, *I will make up my own stories*[saya akan reka cerita saya sendiri]. *So in that stories they will be the heroin!*[dalam cerita itu, mereka akan menjadi watak utama] *You know it's like once upon a time, there live this*

wonderful warrior princess name Aleeya[jadi dalam cerita itu mereka lah yang menjadi hero! Suatu ketika dahulu, wujud seorang puteri pahlawan bernama Aleeya]. So, Aleeya pun dia macam--[berlakon seperti seorang puteri yang gagah] Ha! Benda-benda macam tu, so they have- And then when I[apabila saya] pergi, when I do my[bila saya buat], when I[bila saya] kerja, diorang pun ikut kadang-kadang on the set. So I think diorang dah dah macam dah very comfortable dengan that situation, that environment[mereka sangat selesa dengan situasi dan persekitaran tersebut]. They are quite comfortable already with the camera you know with people you know[mereka agak selesa dengan kamera dan orang lain]. Teater pun sama, whether it's theater or film or television(sama ada teater atau filem atau televisyen) so diorang ya. They are quite comfortable. So and then when they watch movies, they watch together[bila tengok filem, mereka tengok bersama-sama] and then teater tu kitorang bawa diorang, you know. So I think dari kecil dengan secara tak conscious begitu, because we were interested[sebab kami berminat] kita bawa diorang. So it's not like I must doing them for this, I must![saya mesti lakukan ini untuk mereka, saya mesti!] Takde. You know it's like. 'Im gonna watch a movie, come!'[saya akan menonton filem, mari!] Gitu gitu[macam itu sahaja] je you know or not. So it's like if you don't[jadi kalau mereka tidak], kalau, kalau kata la diorang tak minat it's fine with me[tidak mengapa dengan saya]. But it's just so happened to all of them[Tapi sudah takdir mereka]. Ya, minat itu. Especially[terutama] macam Aleesya dengan Aryana diorang belajar kat Sunway University under-- so they did their Degree kat Cardiff [United Kingdom]. So both of them belajar kat Cardiff so ya, they did apa ni directing, film studies and directing[mengarah, kajian filem dan mengarah]. Also teater management if i'm not mistaken[dan juga pengurusan teater jika lau saya tidak silap]. So ya, so, without macam awak mesti buat, you know or not, you have to be this, you have to be that[kamu perlu menjadi itu, kamu perlu menjadi ini], saya tidak. But it's just so naturally[ia secara semula jadi] diorang just naturally gravitated towards the arts[secara semulajadi tertarik kepada seni].

FBA : Jika tak keberatan puan boleh saya tahu tak umur puan dan tarikh lahir puan ?

FAB : Okay saya itulah-- *that's why when you reach my age- for the longest of time I been telling everybody* umur saya enam puluh lapan[68 tahun]- - [sebab itu bila kamu berumur- untuk masa yang lama saya telah memberitahu semua orang bahawa] *actually i'm sixty six[66 tahun] this in october will be sixty seven[67 tahun]* baru dua[2] hari lepas *my husband was said wah i'm sixty eight [68 tahun] already my husband la so I said what you sixty eight because I know he is one year older than me so I kata i'm sixty eight. You sixty six la you only will be sixty seven in October*[Oktober]. Oh yeke, Ya Allah *i've been telling everybody*[saya sudah beritahu semua orang] hahaha (ketawa) okay *nevermind* la so *i'm* enam puluh enam tapi tahun ini enam puluh tujuh la yes. Hahaha (ketawa)

FBA : Tarikh lahir tadi puan ?

FAB : Dua puluh[20] hari bulan oktober 1955.

FBA : Okay terima kasih puan.

FAB : *nineteen[tahun 19] yeah you all[kamu semua] punya lahir twenty[20] something kan.* 19 macam ancient[purba] sangat hahaha (ketawa)

PIZ : Boleh puan berikan nama sekolah rendah dan sekolah menengah puan?

FAB : Okey saya punya, itu lah tapi tadika *I can't remember but I was a*[saya tidak ingat tetapi saya pernah] YMCA punya-- sekolah and then *primary school was*[dan seterusnya sekolah rendah adalah] ‘Residency Road Girls’ School’ Pulau Pinang[sekolah rendah di Penang], *and then secondary school was a*[dan seterusnya sekolah menengah ialah] ‘Tunku Puan Habsah’, ‘Sekolah Menengah Tunku Puan Habsah’ *and then I did my form six in residency*[dan seterusnya saya mengambil tingkatan enam di residensi] *no-- [tidak]* ‘St George Girls School’[Pulau Pinang]. Ya.

SLC : Semasa sekolah menengah ataupun sekolah rendah adakah terdapat guru-guru yang membantu puan untuk mengasah bakat puan dalam bidang lakonan?

FAB : ada tapi tak ingat nama diorang. Sebab diorang yang akan pilih *for the school*[sekolah] sketsa apa-apa. Ehem!(terbatuk) Tapi kan *eww oh my God, such a diva*(bergurau). Malu nak cakap sekarang kan. Hahaha(ketawa). Masa *I was in primary school*[sekolah rendah]. Diorang ada, macam nak buat muzikal la konon- *what was it, ‘Goldilock and the Three Bears’*. Kalau tak salah. *So memang la dalam my this diva* kecil ni, takkan la nak jadi *three bears*[tiga ekor beruang] kan. *So in the end*[jadi di penghujung], ‘*Goldilock*’. Memang kan-. Sekali, cikgu pilih budak lain tau, saya punya menangis. Hahaha(ketawa). *I cried, and cried and cried*[Saya menangis, menangis dan menangis]. *Then* cikgu tu okey-, Fatimah, okey okey, *you Goldilock*. Haa. *So I was Goldilock*[Jadi sayalah ‘Goldilock’].

(Semua tertawa)

FAB : *So everybody wants*[semua orang mahu] Goldilock masa dulu tu, ampunkan saya. Hahaha(ketawa). *I didn’t mean to. I was wild. I was six, seven years old.* Ya *forgive me*. Hahaha(ketawa). saya tidak berniat pun, saya dahulu nakal. Saya berumur enam[6], lapan[8] tahun kan. Ya. maafkan saya. *Basically*[secara general nya], hahaha, kalau la *you know, she you know, she hears about it*, ya Allah *this is the girl that took away my role*[Perempuan ini yang mengambil watak saya]. *So I was* dari kecil *involved, which is so funny because I remember one of my daughters*, hahaha(ketawa) Amani, dia kat *kindergarten* pun, jadi *who is it huh? fairy godmother*, ‘*Cinderella*’. Ya, dia nak jadi *fairy godmother but somebody else* dapat. Dia dah dapat *the role, but and then* dia demam, *so the cikgu* ingat mungkin dia tak jadi so bagi orang lain. Wah! Dia pergi balik dia minta *the role*. Saya!(Menunjukkan ekspresi anaknya, Amani ketika kejadian tersebut)

SLC : Puan nampak diri puan dekat dia la?

FAB : Ya! Saya macam wah gitu, you know. *I think she wanted to be 'Cinderella'*[Saya rasa dia ingin menjadi ‘Cinderella’], tapi dia kata *fairy godmother* lagi *happening*[gempak]. Hahaha. Ya tu la[Iya, itulah]

FBA : Okay untuk latar belakang puan, saya nak tanya lagi, jika tak keberatan boleh saya tahu tak bilakah tarikh perkahwinan puan dengan suami ?

FAB : Tarikh perkahwinan okay *January 8*[8 Januari] was akad *and then the 9th*[dan pada sembilan] sembilan hari bulan januari was *the reception*[adalah persandingan].

PIZ : Tahun puan?

FAB : Tahun. Ya Allah, tahun bila ya (berfikir), dah[sudah] lupa. *Can i tell you later?*[boleh saya beritahu kemudian?], *cause my daughter Leya will be*[kerana anak perempuan saya Leya akan berumur] *thirty-[30 tahun] will be*[akan menjadi] *thirty-nine*[39 tahun]. So dah empat puluh[40 tahun] lebih. *I can't remember the year, I'll tell you later*[saya tidak boleh ingat tahun, saya akan beritahu kemudian] hmm dah tua hahaha (ketawa). Ya.

PIZ : Jadi untuk pengalaman yang waktu tempat kerja pertama puan, apakah macam pengalaman puan yang menjadi *core memory* yang puan ingat sampai sekarang?

FAB : *In Straits Times*[surat khabar New Straits Times] lah? Oh ya. Aaa, yang saya betul-betul tak[tidak] boleh lupa adalah the *companionship*[peneman]. Ya. Teman-teman yang saya, *until today we are--*[sehingga ke hari ini kami] walaupun kita tak jumpa hari-hari tapi *they still in my memory*[mereka masih dalam ingatan saya]. *They are really-- wonderful people*[mereka merupakan rakan yang sangat baik] yang *some of the--*[ada di antara mereka] ramai juga yang saya masih *in touch with*[berhubung]. Urm *even with some of the boses*.[malah dengan sesetengah majikan saya] Saya bernasib baik, *I can say*

that myself very lucky[boleh dikatakan diri saya sangat bertuah] sebab diorang membenarkan saya masih berlakon. Menari. *So it's like* [jadi ianya seperti] berkerja, kerja-- *and then if there's a-*[dan sekiranya ada] *a production*[ada produksi] saya akan ambil cuti and *so far i was lucky that*[setakat ini saya bertuah kerana] saya diberikan-- *the- you know*[awak tahu] cuti tu. Diorang[mereka] akan tanya “nak ambil cuti *for to do what*”[untuk melakukan perkara apa] I said *'for this production, or to travel to urm my dance drama* dekat London and Berlin’[saya menjawab untuk produksi atau untuk pergi ke tarian drama di London dan Berlin] *you know I would take leave*[kamu tahu saya akan mengambil cuti] oh “*you're going there okay-okay*”[awak akan pergi ke sana baiklah]. Ada sekali tu *one of the editors*[salah seorang dari editor] *yeah i remember*[ya saya ingat]. *So clever*[sangat bijak]. Dia kata “okey boleh *I approve*[saya luluskan] cuti ni tapi bila you[kamu] balik, you[kamu] bagi-- *you file-in the story*[hasilkan artikel surat khabar]”. Pengalaman kat [dekat] sana. *I said 'okay'*[saya kata ‘okey’], boleh saja. *So, its a win and win, win-win situation*[Jadi ini ialah seperti situasi menang-menang[situasi yang menguntungkan kedua-dua pihak]. Ya. *So-[jadi]*

SLC : Jadi puan meminati la pekerjaan itu?

FAB : Yes, saya dulu dari kecil juga selain daripada nak- Okey! Peliknya, saya bila orang tanya masa *as I was growing up what is your ambition, actor* tak pernah saya letak dalam *the list*[dalam senarai] ataupun sebut. Saya dalam list tu selalu *archeologist, journalist*[ahli arkeologi dan wartawan]. Ya, funny ya. *Archeologist* dengan kewartawanan. *So, when I became journalist, it was like Alhamdulillah, it was something I want to do. I always wanted. Tapi as I was moving, it was like.* Kat- sekolah pun sambil *I belajar* saya akan *take part in the the sketsa and concert. So when I was working, same thing. I will work and then basically when* ada opportunity nak- berlakon or menari saya *I will go there. So it's not like Oh My susahnya, tak. As like I mentioned I lead a double life*[seperti yang saya katakan, saya mempunyai kehidupan yang berganda] Siang saya bekerja sebagai wartawan, malam saya akan perform as a performers. Ya.

SLC : Jadi bagaimana proses puan memohon pekerjaan wartawan tersebut?

| Datin Paduka Suhaimi | 13 |
| Datuk Seri Abdul Kadir | 12 |
| Daud | 50, 64, 67 |
| David Arumugan | 12 |
| Donald A. Ritchie | 11 |
| Drs. Sidi Gazalda | 11 |
| Enfinity Vision | 21 |
| Fatimah | 2, 3, 4, 10, 12, 14, 15, 24, 36, 41, 44, 54, 55, 71, 72, 73, 74, 89, 90 |
| Fauzah Nawi | 40, 50, 67 |
| Gubra | 61, 62 |
| Hot FM | 21, 42 |
| | 95 |

| | |
|---------------------------|---|
| Ida Nerina | 41, 50, 64 |
| Indonesia | 19, 45, 46, 62 |
| Islam | 11, 59, 62 |
| Jalaluddin Hassan | 43, 54 |
| Jihan Muse | 51 |
| Kamus Dewan Edisi Ketiga | 11 |
| Kelab Teater Kuala Lumpur | 13 |
| Layar Lara | 41, 63, 64 |
| Malaysia | 2, 3, 4, 10, 12, 13, 14, 18, 19, 20, 21, 31, 32, 33, 34, 37, 41, 42, 43, 44, 47, 48, 51, 52, 54, 55, 61, 64, 67, 69, 72, 73, 74 |
| Man Bai | 64 |
| Maria | 2, 32, 40 |
| Mass Communication | 27, 33 |
| Maznah Nordin | 14, 15, 33 |
| Menteri Penerangan | 12 |
| Mohammad Noor Abu Bakar | 20 |
| Muslim | 59, 62 |
| Nam Ron | 61 |
| News Straits Time | 15, 27 |
| Nur | 43, 51, 54 |
| Ogos | 62 |
| Ogy Ahmad Daud | 67 |
| | 96 |

| | |
|------------------------------------|---|
| Oktober | 10, 23 |
| Pak Lebai | 62 |
| Persatuan Artis Veteran Malaysia | 12 |
| Petaling Jaya | 3, 8, 10, 72 |
| Proton | 20 |
| Pulau Pinang | 10, 12, 14, 18, 24, 27 |
| Rahim Razali | 43, 54 |
| Rashid Sibir | 12 |
| Sekolah Menengah Tunku Puan Habsah | 24 |
| Selangor | 3, 8, 9, 10, 12, 55, 72 |
| Sharifah Alessya | 21 |
| Sharifah Aleya | 21 |
| Sharifah Amani | 21 |
| Sharifah Aryana | 21 |
| Sherry Alhadad | 52 |
| Shuhaimi Baba | 2, 15, 32, 33, 34, 35, 39, 40, 41, 44, 63, 64 |
| Singapore | 45, 64 |
| Siput Sarawak | 64, 65 |
| Sungai Buloh | 9 |
| Sunway University | 23 |
| Tan Sri P. Ramlee | 12 |

Universiti Teknologi MARA

2, 3, 13, 72

Utusan Malaysia

12

Yasmin Ahmad

40, 61

12.0 RUJUKAN

Carian Umum. (2017). Dbp.gov.my. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari?keyword=seniman>

SEJARAH LISAN. (2022). Www.ukm.my.

<http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/sejarahlisan.html>

Serimah Mohd Sallehuddin. (2021, August 2). *Persatuan artis veteran perlu campur tangan.* Berita Harian; Berita Harian.

<https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2021/08/846149/persatuan-artis-veteran-perlu-campur-tangan>

Shafeza Abdul Wahab. (2017, February 24). *Nilai kesahihan maklumat di media sosial.* Berita Harian; Berita Harian.

<https://www.bharian.com.my/kolumnis/2017/02/252338/nilai-kesahihan-maklumat-di-media-sosial>

Utusan Malaysia. (2005). *RTM Utamakan Ahli Seniman.* Utusan Malaysia.

Veena. (2018, February 22). *Gosip liar jejas reputasi artis.* Berita Harian; Berita Harian.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/02/391473/gosip-liar-jejas-reputasi-artis>

Fahmey, A. (2020, May 19). Usah biar maklumat saih ditelan berita palsu. Berita Harian; Berita Harian.

<https://www.bharian.com.my/kolumnis/2020/05/690518/usah-biar-maklumat-sahih-ditelan-berita-palsu>

Serimah. (2021, August 2). *Artis veteran susut nilai.* Berita Harian; Berita Harian.

<https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2021/08/846079/artis-veteran-susut-nilai>

13.0 LAMPIRAN

13.1 BIOGRAFI TOKOH



Fatimah Bee Binti Abu Bakar atau lebih dikenali sebagai Fatimah Abu Bakar merupakan seorang seniwati yang disangjungi di dunia seni. Nama beliau bukanlah asing lagi di dalam seni lakonan dan perfilman. Beliau merupakan seorang wartawan, penulis, pelakon serta jurulatih pelakon yang aktif dari tahun 1984 sehingga kini. Fatimah Abu Bakar merupakan anak kelahiran Pulau Tikus, Pulau Pinang dan merupakan puteri sulung bagi pasangan Allahyarham Haji Abu Bakar Mohd Noor dan Rohani Tan Mooi Gee Abdullah. Fatimah Abu Bakar sering menggelar dirinya sebagai seorang diva sewaktu beliau masih kecil. Oleh kerana personaliti beliau yang menarik dan mampu menawan hati ramai pihak, beliau sering memegang watak utama dalam teater serta filem-filem yang telah beliau ceburi. Personaliti Fatimah Abu Bakar dapat dilihat semenjak di bangku sekolah. Beliau menceritakan bahawa beliau pernah menangis ketika beliau tidak mendapat watak utama ketika pemilihan teater di sekolah beliau sehingga menyebabkan guru tersebut terpaksa memberikan watak utama tersebut kepada beliau. Fatimah Abu Bakar juga aktif dalam seni teater sebelum menceburi bidang lakonan. Disini, beliau bertemu dengan Shuhaimi Baba yang juga merupakan salah satu penggiat seni yang disangjungi oleh beliau. Shuhaimi Baba merupakan seorang tokoh yang membantu dalam mengasah bakat beliau dalam seni teater dan juga perfileman. Di samping itu, filem pertama yang dibintangi oleh Fatimah Abu Bakar juga adalah diarahkan oleh Shuhaimi Baba. Beliau telah diserap oleh Shuhaimi Baba dalam filem beliau kerana bakatnya yang menyerlah ketika bergiat dalam seni teater.

13.2 SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

SayaFatimah Bee Binti Abdul Bakar..... K/P:551020-07-5060..... pada24 Jun 2022.....dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat:-
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyalidik.

(Fatimah Bee Binti Abdul Bakar)
Tarikh: 24 Jun 2022

(Jafalizan Md. Jali)
b.p.Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

13.3 GAMBAR









13.4 PROPOSAL



جامعة تكنولوجى مارا
**UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA**

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SELANGOR

KAMPUS PUNCAK PERDANA SHAH ALAM

BACHELOR OF INFORMATION SCIENCE (HONS) RECORDS MANAGEMENT

IMR604: ORAL DOCUMENTATION

PROPOSAL PROJEK SEJARAH LISAN

TAJUK: SENIMAN VETERAN

DISEDIAKAN OLEH:

SULIKA LAMBAN CHRISTOPHER LEECHEN (2020987645)

PUTERI IZZATY BINTI ZOLKEPELI (2020978463)

FITRI BALQIS AKMA BINTI MOHD ASRI (2020950799)

PENSYARAH:

ENCIK JAFALIZAN BIN MD JALI

TARIKH:

25 JULAI 2022

ISI KANDUNGAN

| PERKARA | M/S |
|--------------------------------------|------------|
| 1.0 PENGENALAN | 2 |
| 1.1 PENDAHULUAN | 2 |
| 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN | 3 |
| 1.3 PERMASALAHAN KAJIAN | 3 |
| 1.4 OBJEKTIF KAJIAN | 4 |
| 1.5 PERSOALAN KAJIAN | 4 |
| 1.6 KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN | 5 |
| 2.0 TINJAUAN LITERATUR | 5 |
| 3.0 METODOLOGI | |
| 3.1 PENDEKATAN KAJIAN | 7 |
| 3.2 PESERTA KAJIAN | 8 |
| 3.3 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA | 8 |
| 3.4 CARTA GANTT PROJEK | 9 |
| 4.0 KESIMPULAN | 9 |
| 5.0 RUJUKAN | 11 |

1.0 PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Ketiga, (1997) seni membawa maksud karya termasuk sajak, lukisan, muzik dan lain-lain yang dicipta dengan bakat atau kecekapan, dan hasil daripada sesuatu ciptaan. Menurut Drs. Sidi Gazalda pula, seni ditafsirkan sebagai penciptaan bentuk-bentuk yang mengandungi nilai-nilai estetika bersepada dengan nilai estetika Islam. Seterusnya, kesenian Islam turut menyatakan seni merupakan suatu unsur keindahan yang mampu menjadikan manusia terpesona apabila melihat ataupun mendengarnya.

Sejarah lisan ialah kaedah menjalankan penyelidikan sejarah melalui temu bual yang direkodkan antara penemubual dan tokoh. Temu bual ini akan merekodkan pengalaman peribadi tentang peristiwa penting dari segi sejarah sepanjang profession tokoh yang telah dipilih. Tujuan pendokumentasian lisan ini juga adalah untuk menambah maklumat atau sejarah kepada pengetahuan sedia ada. Pendokumentasi lisan juga merekodkan ulasan peribadi serta mencerminkan pendapat peribadi seseorang tokoh kerana temu bual ini merupakan salah satu sumber utama untuk mendapatkan maklumat dan pandangan seseorang tokoh. Selain itu, pendokumentasian lisan boleh digunakan bersama-sama dengan sumber primer lain serta sumber sekunder untuk mendapatkan pemahaman dan pandangan tentang sejarah (Sejarah Lisan, 2022).

Hasil perolehan daripada temu bual ini boleh digunakan untuk penulisan akademik dan lain-lain. Pendokumentasian lisan ini penting bagi memelihara sejarah sedia ada. Rekod-rekod yang diperolehi ini amatlah penting untuk dipelihara kerana ia akan digunakan oleh generasi akan datang. Donald A. Ritchie pernah menyatakan bahawa ringkasnya, sejarah lisan mengumpul kenangan lisan dan ulasan peribadi tentang kepentingan sejarah melalui temu bual yang dirakam (ETHW, 2022).

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Tujuan penyelidikan ini dijalankan adalah untuk mendapatkan maklumat dan informasi berkaitan seniman veteran yang dipilih. Kajian ini juga dilaksanakan bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang jarang didapati melalui enjin carian seperti

Google, Bing, Perpustakaan dan Arkib serta bagi mendapatkan kesahihan maklumat yang terdapat di internet berkenaan seniman veteran yang dipilih. Kajian ini akan dijalankan bersama dengan seniman veteran yang mempunyai pengalaman luas dalam industri seni tanah air dengan tujuan untuk melengkapkan maklumat-maklumat yang sedia ada di internet, perpustakaan serta arkib, juga bagi mendapatkan kesahihan maklumat tersebut serta menambah maklumat mengenai seniman veteran tersebut. Maklumat-maklumat yang diperolehi daripada temu bual bersama seniman veteran yang dipilih ini akan digunakan sebagai panduan dan rujukan generasi akan datang bagi melengkapkan kajian yang dijalankan ini.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat telah menyediakan dua jenis definisi yang berbeza namun memperlihatkan kepada konteks yang serupa. Walau bagaimanapun, definisi yang lebih cocok dengan fokus utama kajian ini adalah seniman dapat didefinisikan sebagai bintang filem yang telah lama melibatkan diri dalam perfileman dan telah mencapai pada sesuatu tahap yang tertentu. Seniman veteran yang berumur 50 tahun ke atas, merupakan fokus yang diketengahkan di dalam penyelidikan yang ditugaskan oleh pensyarah kali ini.

Seterusnya, penyelidik telah menghadapi kesukaran dalam mendapatkan maklumat tentang seniman pilihan semasa penyelidikan menerusi enjin carian Google dan media sosial. Hal ini dikatakan demikian kerana maklumat yang terdapat di rangkaian Internet adalah sangat terhad dan sukar untuk memastikan kesahihannya dan barangkali perkara ini terjadi kerana tidak besar jumlahnya yang membuat kajian tentang seniman terutamanya golongan veteran. Maklumat- maklumat tentang tokoh tersebut adalah sangat terhad terutamanya dari segi sejarah yang lebih mendalam tentang tokoh tersebut. Oleh itu, dengan ketiadaan maklumat tentang sejarah tokoh tersebut, hal ini bakal menyebabkan generasi akan datang tidak mempunyai maklumat tentang tokoh tersebut dan latar belakang tokoh tersebut mungkin dilupakan dan tidak dikenali oleh umum pada masa akan datang. Hal ini berlaku adalah kerana tidak mempunyai sebarang sumber yang boleh dirujuk untuk mengenali tokoh tersebut. Bukan itu sahaja, dengan ketiadaan dan kekurangan maklumat berkenaan tokoh tersebut, hak cipta seseorang tokoh seperti anugerah, karya dan sebagainya mudah dituntut oleh individu dari sesetengah pihak secara sambalewa sekiranya maklumat

adalah terhad dan tidak lengkap. Tambahan pula, maklumat yang terdapat di rangkaian Internet kebanyakannya cuma gosip-gosip yang bervariasi versinya semata-mata dan bukan pada bakat serta kejayaan mereka.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenalpasti maklumat asli dan sahih yang diperoleh daripada tokoh pilihan melalui temu bual yang akan dijalankan.
2. Mendokumenkan sejarah secara lisan dan mengarkibkan maklumat mengenai pengalaman, biografi serta maklumat tambahan tentang tokoh sepanjang berkecimpung dalam industri seni.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

1. Adakah maklumat yang diperoleh daripada temu bual bersama tokoh pilihan adalah sepadan dan sahih dengan maklumat yang terdapat di rangkaian internet ?
2. Adakah sejarah secara lisan yang akan di arkib dapat membantu dari segi akademik secara umumnya dan industri seni secara khususnya ?

1.6 KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kepentingan kajian ini dapat dilihat melalui pelbagai aspek. Hasil kajian ini memaparkan pelbagai faedah yang diperolehi atau sumbangan kajian ini dalam beberapa perkara. Kajian yang dijalankan ini memberi faedah secara khususnya kepada masyarakat di Malaysia. Faedah yang diperolehi daripada hasil kajian adalah dari segi penambahan maklumat sedia ada tentang seniman yang dipilih dalam kajian ini. Maklumat yang diperolehi melalui temu bual

bersama seniman ini sedikit sebanyak membantu dalam meningkatkan pengetahuan tentang industri seni di Malaysia secara lebih mendalam. Secara umumnya, kajian ini dilihat menyumbang kepada masyarakat di dalam konteks seperti membuka ruang dan peluang untuk lebih mengenali secara mendalam para seniman di Malaysia dengan mengetahui dengan lebih lanjut tentang latar belakang seniman tersebut dan karier beliau sepanjang penglibatan dalam industri seni. (citation)

Melalui kajian ini juga, ia turut menyumbang dalam memperkembangkan ilmu tentang industri seni iaitu secara khususnya tentang seniman yang melibatkan diri dalam industri seni di Malaysia ini. Terdapat pelbagai maklumat atau perkara yang mungkin tidak diketahui umum. Oleh itu, dengan kajian ini ia dapat membantu dalam meluaskan pengetahuan tentang industri seni di Malaysia terutamanya maklumat berkenaan seniman yang menyumbang bakat dalam industri seni di Malaysia.

2.0 TINJAUAN LITERATUR

Persatuan Artis Veteran Malaysia merupakan sebuah persatuan ditubuhkan untuk menjaga kebajikan seniman veteran Malaysia. Persatuan ini terletak di Taman Sri Cheras Jaya, Selangor. Pada beberapa tahun yang lepas, timbul isu-isu mengenai kadar bayaran terhadap seniman veteran terlalu rendah. Oleh hal yang demikian, Persatuan Artis Veteran Malaysia bertindak untuk mewujudkan kadar bayaran standard kepada seniman veteran. Rashid Sibir berkata dalam sebuah laporan BH Online, "pelakon tidak boleh meminta lebih daripada kadar standard yang ditetapkan. Contohnya, untuk telefilem, bagi watak utama kadar yang ditetapkan adalah kira-kira RM10,000." (Serimah Mohd Sallehuddin, 2021). Persatuan ini juga memperjuangkan seniman veteran untuk kembali menjadi teraju utama dalam filem serta drama di Malaysia.

Di samping Persatuan Artis Veteran Malaysia, Persatuan Seniman Malaysia juga menjadi tumpuan dalam menjaga kebajikan seniman di Malaysia terutamanya bagi penggiat seni yang tergolong dalam kategori veteran. Menurut Menteri Penerangan Datuk Seri Abdul Kadir Sheikh Fadzil, "RTM akan memberi keutamaan

kepada penyanyi dan pelakon yang menjadi ahli Persatuan Seniman Malaysia untuk penerbitan program-programnya” (Utusan Malaysia, 2005). Keratan akhbar Utusan Malaysia tersebut dapat dilihat bahawa para seniman di Malaysia yang menjadi ahli Persatuan Seniman Malaysia berpeluang untuk menikmati pelbagai kelebihan sama ada kepada penyanyi, pelakon mahupun seniman-seniman yang menceburi pelbagai bidang dalam industri hiburan. Tambah Datuk Seri Abdul Kadir Sheikh Fadzil, Menteri Penerangan beliau menyeru semua golongan seniman untuk menjadi ahli seniman berdasarkan ucapan beliau pada sidang akhbar, beliau menyatakan “saya merayu kepada semua golongan seniman sama ada penyanyi, pelakon, penulis skrip atau sesiapa lagi yang berkaitan dengan industri hiburan agar menjadi ahli seniman kerana saya yakin kebijakan mereka akan terjaga dibawah persatuan itu” (Utusan Malaysia, 2005).

Tokoh yang telah dipersetujui bagi penyelidikan ini ialah Puan Fatimah Abu Bakar yang merupakan seorang seniman veteran Malaysia yang memiliki variasi bakat yang bereputasi cemerlang. Beliau adalah anak jati Pulau Pinang yang merupakan negeri lahirnya seniman-seniman yang termasyhur serta berprestij seperti Tan Sri P. Ramlee, David Arumugam dan sebagainya. Beliau merupakan alumni Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan memegang Ijazah Sarjana Muda Komunikasi dan Pengajian Media. Selain kerjaya dalam bidang industri seni dan kreatif, beliau juga pernah menceburi bidang kewartawanan dan penulisan. Beliau mulai aktif dalam industri seni dari tahun 1984 sehingga kini. Di samping itu, beliau mempunyai minat yang mendalam dalam bidang teater dan minat ini telah menjadikan beliau aktif dalam pementasan di Kelab Teater Kuala Lumpur. Disinilah bermulanya perasaan minat untuk menceburi bidang lakonan terutamanya dengan sokongan yang diberikan oleh “role model” beliau iaitu Datin Paduka Suhaimi dan Allahyarham Mustaffa Noor.

Seterusnya, seperti yang diketahui umum terdapat pelbagai maklumat yang mudah diperoleh di rangkaian internet. Pada masa kini, kebanyakkan individu mencari maklumat dari sumber internet. Namun, kesahihan maklumat yang diperoleh melalui sumber internet ini tidak dijamin dan tidak dapat dipastikan kesahihan maklumat tersebut. Sebagai pengguna Internet, kita seharusnya bijak menilai kesahihan maklumat yang dicari. Menurut Berita Harian Online, “Masyarakat sebagai sasaran media sosial seharusnya memiliki daya dan kemampuan menganalisis supaya dapat

menilai sejauh mana benarnya sesuatu berita atau sejauh mana sahih atau batilnya apa yang disogokkan kepada mereka.” (Shafeza Abdul Wahab, 2017). Hal ini boleh dikaitkan dengan pencarian maklumat tentang seseorang individu seperti mencari maklumat tentang seniman veteran di Malaysia bagi mengetahui latar belakang seniman veteran tersebut. Tidak dapat dinafikan bahawa, berkemungkinan maklumat-maklumat yang terdapat di sumber internet ini tidak beberapa tepat di samping maklumat yang dinyatakan juga mungkin tidak lengkap.

3.0 METODOLOGI

3.1 PENDEKATAN KAJIAN

Menurut Pusat Kajian Sejarah Lisan Universiti Kebangsaan Malaysia, “Sejarah lisan adalah satu kaedah di mana kenang-kenangan seseorang tokoh yang dirakamkan secara wawancara. Tokoh-tokoh yang dipilih biasanya terdiri daripada mereka yang dapat menyumbang maklumat bersejarah dari penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri, atau oleh kerana perhubungan mereka secara langsung dengan watak, masa atau peristiwa tertentu. Maklumat yang diperolehi dari wawancara tersebut kemudiannya disalin dan salinan itu selepas disemak dan ditaip dapat digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan” (Sejarah Lisan, 2022).

Kaedah kajian yang akan digunakan dalam melaksanakan penyelidikan ini ialah dengan menggunakan kaedah temu bual bersama tokoh yang telah dipersetujui. Temu bual ini akan dijalankan secara bersemuka dengan seniman veteran yang telah dipilih untuk menjalankan temu bual tersebut. Hasil daripada temu bual seperti pita rakaman dan tanskrip temu bual akan diletakkan di makmal ataupun arkib universiti para pelajar tersebut.

3.2 PESERTA KAJIAN

Tokoh yang dipilih dalam kajian ini merupakan seniman veteran yang telah lama menceburi industri seni di Malaysia. Pemilihan seniman veteren ini adalah berdasarkan beberapa kriteria iaitu, seniman yang telah lama melibatkan diri dalam industri seni dan mempunyai pengalaman dalam industri seni di Malaysia ini.

Seniman veteran yang dipilih ini memiliki latar belakang yang luas yang membolehkan pengkaji untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang banyak dan berinformasi tinggi.

3.3 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA

Bagi bahagian prosedur pengumpulan data, pengkaji telah menggunakan enjin carian Google untuk mendapatkan maklumat berkaitan seniman veteran yang telah dipilih seperti latar belakang dan media sosial serta maklumat hubungan. Seterusnya, pengkaji telah menghubungi seniman veteran bagi mendapatkan persetujuan untuk menjalankan sesi temubual bersama beliau.

Prosedur seterusnya adalah sesi temu bual akan dijalankan di platform dan masa yang akan dipersetujui kemudian. Platform yang bakal digunakan bagi menjalankan sesi temubual bersama seniman veteran yang dipilih adalah kaedah temu bual bersemuka dan kaedah temu bual secara atas talian. Dua kaedah ini dilihat bersesuaian bagi menjalankan kajian ini. Tujuan dua kaedah dipilih adalah sebagai pelan sandaran jika salah satu kaedah temu bual ini tidak dapat dijalankan. Hal ini dikatakan demikian kerana, disebabkan oleh situasi pandemik yang dialami dalam negara kaedah temu bual yang dinyatakan ini berkemungkinan akan berubah dari masa ke semasa.

3.4 CARTA GANTT PROJEK

| Aktiviti Minggu | Minggu-1 | Minggu-2 | Minggu-3 | Minggu-4 | Minggu-5 | Minggu-6 | Minggu-7 | Minggu-8 | Minggu-9 | Minggu-10 | Minggu-11 | Minggu-12 | Minggu-13 | Minggu-14 |
|---|----------|----------|----------|----------|----------|----------|----------|----------|----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|
| Pengenalan projek | | | | | | | | | | | | | | |
| Mencari maklumat dan menghubungi seniman yang dipilih | | | | | | | | | | | | | | |
| Menyiapkan kertas cadangan | | | | | | | | | | | | | | |
| Melaksanakan persiapan awal projek | | | | | | | | | | | | | | |
| Menjalankan temubual bersama seniman yang dipilih | | | | | | | | | | | | | | |
| Menghasilkan transkrip tentang seniman yang telah dipilih | | | | | | | | | | | | | | |

4.0 KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang dijalankan ini, dapat disimpulkan bahawa sejarah lisan memainkan peranan yang penting dalam mengumpul maklumat-maklumat yang bersejarah dan perkara ini tidak hanya memberi faedah kepada masyarakat tetapi juga kepada negara. Kepentingan sejarah lisan ini perlu dijadikan fokus utama kerana ia banyak merekodkan peristiwa-peristiwa penting iaitu peristiwa yang sebahagian daripada sejarah. Tambahan pula, hal ini dapat membantu mengumpul maklumat-maklumat bersejarah di samping memperoleh maklumat yang sahih serta dari sumber yang berkaitan.

Kepentingan dalam memperolehi maklumat dari sumber yang sahih dan benar harus diberi keutamaan. Dengan berasaskan temu bual yang direkod bersama seniman yang telah dipilih dalam melaksanakan kajian ini, ia dapat membantu dalam mengenalpasti kesahihan maklumat yang terdapat di internet. Hal ini sedikit sebanyak dapat menjelaskan tentang sesuatu perkara di samping mendapat kepastian berkaitan maklumat di luar yang kurang meyakinkan dan tidak pasti kesahihan maklumat tersebut.

Oleh yang demikian, sejarah lisan ini juga dilihat sebagai cara yang amat membantu kerana merekodkan peristiwa-peristiwa penting atau pengalaman individu yang melalui peristiwa bersejarah sepanjang karier di dalam industri seni tersebut. Maklumat tentang peristiwa-peristiwa penting yang merupakan sebahagian daripada sejarah, diperoleh melalui sesi temu bual bagi mendapatkan maklumat yang sahih dan lengkap. Sesi temu bual yang direkodkan merupakan tunggak utama dalam melengkapkan kajian yang dijalankan ini. Maklumat-maklumat yang diperoleh melalui kajian ini diharapkan dapat menambah pengetahuan umum tentang industri seni dan seniman yang terpilih serta dapat memberi gambaran kepada generasi yang akan datang tentang beberapa aspek di samping mengetengahkan perkara-perkara penting yang berkaitan.

5.0 RUJUKAN

Carian Umum. (2017). Dbp.gov.my. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=seniman>

SEJARAH LISAN. (2022). Www.ukm.my.

<http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/sejarahlisan.html>

Serimah Mohd Sallehuddin. (2021, August 2). *Persatuan artis veteran perlu campur tangan.* Berita Harian; Berita Harian.

<https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2021/08/846149/persatuan-artis-veteran-perlu-campur-tangan>

Shafeza Abdul Wahab. (2017, February 24). *Nilai kesahihan maklumat di media sosial.* Berita Harian; Berita Harian.

<https://www.bharian.com.my/kolumnis/2017/02/252338/nilai-kesahihan-maklumat-di-media-sosial>

Utusan Malaysia. (2005). *RTM Utamakan Ahli Seniman.* Utusan Malaysia.

Veena. (2018, February 22). *Gosip liar jejas reputasi artis.* Berita Harian; Berita Harian.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/02/391473/gosip-liar-jejas-reputasi-artis>

Fahmey, A. (2020, May 19). Usah biar maklumat saih ditelan berita palsu. Berita Harian; Berita Harian.

<https://www.bharian.com.my/kolumnis/2020/05/690518/usah-biar-maklumat-sahih-ditelan-berita-palsu>

14.0 SENARAI SOALAN

SOALAN ORENTASI

Latar belakang diri dan pendidikan

Boleh Puan menceritakan mengenai latar belakang Puan?

Diri sendiri

- Siapakah nama penuh Puan?
- Dimanakah Puan dilahirkan dahulu?
- Bilakah tarikh lahir Puan?
- Berapakah umur Puan?
- Apakah nama panggilan atau samaran Puan?
- Siapakah nama dan pekerjaan suami Puan?
- Bilakah tarikh perkahwinan Puan?
- Apakah pekerjaan Puan masa kini?

Ibu bapa

- Siapakah ibu bapa Puan?
- Ibu bapa Puan berasal dari mana?
- Adakah ibu bapa Puan menyokong penglibatan Puan dalam industri seni ini?

Adik-beradik

- Berapakah bilangan adik beradik Puan?
- Adakah adik beradik Puan ada terlibat dalam industri seni?

Keluarga

- Penglibatan ahli keluarga dalam Industri Seni
- Boleh Puan ceritakan serba sedikit tentang keluarga Puan?

- Adakah puan mendapat sokongan daripada ahli keluarga ketika ingin menceburi bidang lakonan
- Anak-anak Puan juga menceburi bidang lakonan?

Latar belakang

Pendidikan

Sekolah rendah

- Boleh Puan terangkan tentang latar belakang pendidikan rendah Puan?

Sekolah menengah

- Boleh Puan ceritakan sedikit tentang sekolah menengah Puan?
- Adakah Puan aktif dalam sebarang persatuan semasa sekolah menengah?
- Adakah terdapat guru yang mendorong Puan untuk menceburi bidang lakonan?

Pengajian tinggi

- Selepas tamat sekolah menengah, adakah Puan melanjutkan pelajaran di mana-mana universiti?
- Bagaimana pula dengan latar belakang pendidikan tinggi?
- Puan mengambil program apa di UiTM dahulu?
- Boleh Puan ceritakan sedikit pengalaman ketika menimba ilmu di UiTM?

Tempat kerja pertama

- Selepas menamatkan pengajian di UiTM, apakah pekerjaan Puan yang pertama?
- Bagaimana proses Puan dalam memohon pekerjaan tersebut
- Sebelum menjadi pelakon, apakah pekerjaan puan?
- Adakah puan meminati pekerjaan tersebut?
- Apakah pengalaman yang telah menjadi “*core memory*” semasa bekerja sebagai wartawan dahulu?

SOALAN UMUM

Bahagian 1

1. Apakah takrifan seni lakonan pada pandangan Puan?
2. Bagaimana pula takrifan pelakon bagi pendapat Puan?
3. Sudah berapa lamakah Puan terlibat dalam industri lakonan di Malaysia?
4. Mengapakah puan menceburi bidang tersebut ?
5. Apakah filem atau drama pertama yang Puan lakonkan dan pada tahun berapakah itu?
6. Sekiranya puan bukan seorang pelakon, apakah bidang impian yang puan akan ceburi ?
7. Siapakah jurulatih pertama puan ketika mula-mula puan terlibat dalam industri ini ?
8. Apakah sumbangan terbesar jurulatih tersebut terhadap karier lakonan puan dari awal hingga kini ?
9. Puan ada kenalan rapat daripada industri lakonan?
10. Puan berkenalan dengan beliau sudah berapa lama?
11. Boleh Puan ceritakan kronologi dari karier awal Puan sehingga menjadi pelakon?
12. Siapakah yang menjadi inspirasi Puan untuk mulai bergiat dengan bidang lakonan?
13. Adakah wujud sebarang halangan untuk Puan menjadi seorang pelakon pada masa itu?
14. Faktor apakah yang menyumbang dalam membuat keputusan untuk menjadi seorang pelakon ?
15. Siapakah idola yang telah mendorong Puan untuk menceburi bidang lakonan ini ?
16. Pada pendapat puan sebagai seorang pelakon veteran, bagaimana industri kreatif pada zaman kini ?

17. Pada pendapat puan, apakah kriteria-kriteria yang penting untuk menjadi seorang pelakon
18. Apakah kriteria yang amat penting yang perlu diteliti untuk memilih seseorang pelakon semasa sesi uji bakat ?

Bahagian 2

19. Pada pendapat puan, apakah peranan industri kreatif dalam memajukan ekonomi negara ?
20. Apakah usaha bagi memperkasakan industri kreatif di Malaysia bagi pandangan Puan?
21. Apakah persediaan puan sebelum memulakan penggambaran sesebuah drama atau filem?
22. Boleh Puan ceritakan sedikit tentang bagaimana pengalaman Puan berlakon dengan barisan pelakon Malaysia yang lain?
23. Adakah penting untuk mewujudkan “chemistry” antara pelakon bagi memastikan keberkesanan lakonan tersebut bagi sesuatu watak?
24. Berdasarkan pengalaman Puan, ianya mengambil masa yang berapa lama bagi menyelesaikan “shooting” filem atau drama tersebut?
25. Dalam melakonkan filem atau drama, adakah Puan merasakan ia memerlukan banyak tenaga terutamanya dalam drama yang mempunyai banyak episod.
26. Apakah watak paling sukar yang pernah puan lakonkan?
27. Bagaimana pula dengan watak yang paling Puan gemari dan mudah untuk menjawai watak tersebut?
28. Antara filem dan drama yang pernah Puan berlakon, apakah filem atau drama yang paling puan suka dan merasakan ia memberi impak kepada penonton dan juga kepada diri puan sendiri?
29. Adakah terdapat jenis watak yang ingin Puan lakonkan pada masa akan datang?
30. Siapakah pelakon-pelakon atau pengarah ingin Puan berganding dalam sesebuah filem atau drama?

31. Sepanjang Puan berlakon, adakah terdapat peristiwa yang menarik atau pelik yang pernah berlaku dalam set semasa penggambaran?
32. Apakah momen yang Puan tidak boleh lupakan sepanjang penglibatan Puan dalam industri lakonan ini?
33. Sebelum Puan menerima sebarang tawaran berlakon dalam sesebuah filem atau drama, adakah terdapat beberapa perkara atau aspek yang perlu diambil kira terlebih dahulu sebelum menerima tawaran tersebut?
34. Setiap kali Puan membintangi sesebuah filem atau drama, adakah Puan merasakan ia akan memberi pengalaman baru kepada puan?
35. Buat masa ini, adakah puan sedang terlibat dalam mana-mana filem atau drama?

SOAL SPESIFIK

1. Adakah sukar untuk menjiwai sesuatu watak? Terutamanya jenis watak yang baru bagi Puan.
2. Apakah genre filem yang ingin Puan bintangi?
3. Bagaimana puan mengagihkan masa antara kerjaya dan keluarga ?
4. Bagaimana puan meluangkan masa bersama keluarga pada masa lapang ?
5. Penggambaran sudah tentu sangat memenatkan, jadi apakah yang puan akan lakukan selepas kerja ?
6. Adakah puan akan menonton semula filem atau drama yang puan telah dilakonkan ?
7. Pada pandangan Puan, bagaimana cara-cara untuk mengasah bakat dalam lakonan.
8. Apakah aktiviti atau rutin harian puan sebagai seorang pelakon ketika wabak Covid-19 melanda ?
9. Bagaimana kehidupan puan semasa wabak covid-19 melanda Malaysia dan perintah kawalan pergerakan (PKP) dilaksanakan ?
10. Bagaimanakah puan dapat mengekalkan kesihatan fizikal dan mental serta stamina puan dalam menjalani kehidupan harian sebagai seorang pelakon ?

11. Jika Puan diberi peluang untuk mengubah sesuatu dalam industri lakonan ini, apakah perkara tersebut?

Women Empowerment

12. Bagaimanakan cara Puan mengubah stigma masyarakat tentang perkara-perkara yang wanita tak boleh melakukan kebanyakkan perkara?

13. Adakah Puan bersetuju dengan slogan “wanita menyokong wanita”?

14. Berdasarkan pandangan Puan, apakah definisi women empowerment?

15. Pada pendapat puan, bagaimanakah pelakon-pelakon wanita dapat menerapkan nilai-nilai women empowerment ini dalam industri lakonan?

16. Apakah yang membuatkan Puan ingin menerapkan nilai women empowerment terutamanya dalam bidang lakonan?

17. Menurut Puan, bagaimana pendapat wanita boleh didengar dalam industri lakonan?

18. Bagaimanakah Puan dapat menerapkan maksud di sebalik slogan ‘Women Empowerment’ dalam industri seni lakonan ini?

19. Apakah pandangan puan terhadap isu diskriminasi jantina atau ‘gender discrimination’ yang berlaku pada masa kini terutamanya terhadap kaum wanita ?

20. Pada pendapat Puan adakah filem atau drama memainkan peranan dalam mengetengahkan isu-isu seperti ini?

21. Pada pendapat puan, apakah yang harus dilakukan oleh individu dan masyarakat bagi mengetengahkan serta menyebarkan kesedaran tentang isu ‘women empowerment’ dan pada masa yang sama dapat meningkatkan ilmu pengetahuan mengenai perkara tersebut ?

Soalan berkaitan karya

22. Antara kebanyakan karya yang puan telah terlibat secara langsung atau tidak langsung, apakah karya yang puan sangat syorkan kepada mereka

- yang ingin mula bergiat dalam industri lakonan dan mengapa puan mengesyorkan karya tersebut ?
23. Berdasarkan karya-karya tersebut, adakah Puan ingin menghasilkan sebuah karya yang dapat memberi impak kepada masyarakat?
 24. Pada pandangan Puan, adakah penting untuk menghasilkan sebuah karya yang dapat memberi kesan dan kesedaran kepada masyarakat?
 25. Pada pandangan puan, apakah perbezaan ketara yang dapat puan lihat antara filem-filem di Malaysia dan filem-filem di luar negara?
 26. Puan, terdapat sebuah artikel dari Berita Harian Online yang membahaskan tentang isu bayaran yang tidak setimpal dengan bakat dan pengalaman artis veteran. Apakah pandangan puan terhadap isu ini?

Menjadi Pelakon

27. Pada pendapat Puan, untuk menjadi seorang pelakon pada masa kini, adakah rupa paras fizikal masih diberikan keutamaan?
28. Boleh Puan menerangkan sedikit tentang teknik-teknik lakonan yang berkesan, yang perlu dikuasai oleh seorang pelakon?
29. Apakah “tips” yang boleh Puan berikan bagi menjiwai pembawaan sesuatu watak?
30. Boleh Puan menerangkan tentang persediaan yang perlu dilakukan sebelum pergi ke ujibakat lakonan?
31. Apakah jenis-jenis latihan yang Puan boleh berikan kepada para pelakon bagi menguasai pembawaan watak terutamanya watak yang agak berat bagi mereka?
32. Bagi pandangan Puan sendiri, adakah penting bagi seorang pelakon untuk belajar tentang bidang seni lakonan terlebih dahulu sebelum melibatkan diri dalam industri lakonan?
33. Pada pendapat puan, apakah reaksi puan terhadap kritikan daripada warganet?
34. Bagaimanakah cara puan menangani kritikan tersebut?

35. Jika terdapat seseorang individu yang ingin mendalami ilmu lakonan, adakah terdapat sebarang bengkel-bengkel lakonan yang dapat membantu individu tersebut mempelajari tentang cara-cara lakonan?
36. Berapa lamakah masa yang diambil oleh puan untuk mengasah bakat pelakon baru ketika sesi ‘coaching’ bersama mereka ?
37. Berdasarkan pengalaman puan, bagaimana puan mengenalpasti seseorang individu itu memiliki bakat semula jadi dalam lakonan ata individu yang bakatnya perlu banyak diasah?
38. Bagaimana puan berhasil menghidupkan emosi terutamanya ketika babak sedih atau marah dalam sesebuah drama atau filem ?
39. Boleh Puan terangkan serba sedikit bagaimanakah cara puan menghidupkan emosi tersebut dalam sesuatu babak supaya tampak realiti ?
40. Pada pendapat puan, apakah halangan dan cabaran yang harus ditempuh seseorang individu yang ingin menceburi industri lakonan pada masa kini

HARAPAN

1. Apakah harapan puan terhadap industri seni kreatif Malaysia pada masa kini dan masa hadapan ?
2. Apakah aspek yang puan ingin perbaiki untuk terus menjadi seorang pelakon yang berdedikasi pada masa akan datang ?
3. Apakah harapan puan terhadap industri seni kreatif Malaysia pada masa akan datang ?
4. Apakah nasihat puan kepada mereka yang bercita-cita untuk menceburi industri seni kreatif sebagai seorang pelakon ?

15.0 DIARI PENYELIDIKAN

| Tarikh | Masa | Aktiviti | Tindakan |
|---------------|-------------|---|--|
| 29 Mac 2022 | 3:50 PM | Membentuk kumpulan | Selesai |
| 30 Mac 2022 | 3:14 PM | Pemilihan dan mencari maklumat seniman artis veteran | Beberapa seniman telah disenaraikan dan diberi kepada sebelum mulai menghubungi melalui pelbagai platform sosial media |
| 8 April 2022 | 11:00 PM | Mula menghubungi tokoh-tokoh yang telah dipersetujui oleh pensyarah | Masih menunggu maklum balas |
| 10 April 2022 | 4:00 PM | Membuat kertas kerja | Selesai |
| 14 April 2022 | 1:00 PM | Menghantar kertas kerja untuk disemak | Selesai |
| 21 April 2022 | 2:00 PM | Pembetulan kertas kerja | Selesai |
| 27 April 2022 | 1:30 PM | Menghubungai Puan Fatimah | Memaklumkan Puan Fatimah mengenai hasrat untuk menemui bual beliau atas urusan akademik |

| | | | |
|-------------|--------------------|---|---|
| 10 Mei 2022 | 5:19 PM | Menerima maklum balas daripada Puan Fatimah melalui ‘Instagram’ | Bersetuju untuk ditembual serta memberi nombor telefon manager |
| 16 Mei 2022 | 2:00 PM | Merangka soalan temubual sebelum sesi perundingan | Selesai |
| 17 Mei 2022 | 2:00 PM | Sesi perundingan bersama pensyarah | Memperbaiki soalan temubual sebelum temubual yang sebenar dijalankan |
| 18 Mei 2022 | 1:00 PM | Menghubungi pengurus Puan Fatimah bagi mendapatkan tarikh serta tempat yang sesuai untuk temubual | Mendapat persetujuan awal temubual secara dalam talian |
| 10 Jun 2022 | 9:00 AM | Perundingan dan pembetulan kertas kerja bersama pensyarah | Menambah maklumat dalam kertas kerja |
| 15 Jun 2022 | 8:30 PM - 9:30 PM | Temuduga awal bersama Puan Fatimah Abu Bakar melalui aplikasi “Google Meet” | Selesai |
| 25 Jun 2022 | 11:00 AM - 1:30 PM | Menjalankan temubual bersama Puan Fatimah di kediamannya di Mutiara Damansara | Mendapatkan maklumat yang diperlukan daripada tokoh berdasarkan soalan-soalan yang telah dirangka |

| | | | |
|---------------|-------------------|--|---|
| 27 Jun 2022 | 2:00 PM | Permulaan menyediakan transkrip | Memahami “ <i>Verbatim Transcription</i> ” sebelum memulakan penulisan transkrip |
| 28 Jun 2022 | 3:00 PM - 3:30 PM | Perundingan dan pembetulan transkrip bersama pensyarah | Selesai |
| 15 Julai 2022 | 11:50 PM | Penghantaran sebahagian transkrip dan draf artikel | Selesai |
| 20 Julai 2022 | 2:00 PM - 3:00 PM | Sesi perundingan mengenai pembetulan transkrip dan artikel bersama pensyarah | Pembetulan transkrip dibuat dan pengubahan tajuk artikel |
| 21 Julai 2022 | 10:00 AM | Menghubungi pensyarah perunding yang telah disyorkan oleh pensyarah | Menghubungi Madam Jannatul Iza serta mendapatkan pendapat beliau mengenai topik artikel |
| 24 Julai 2022 | 1:00 AM | Penghantaran transkrip lengkap | Selesai |